



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 520**

## **AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA 1994**

*Sebagaimana pada 1 Disember 2015*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
2015

**AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI  
PEMBINAAN MALAYSIA 1994**

|  |     |     |     |              |
|--|-----|-----|-----|--------------|
| Tarikh Perkenan Diraja   | ... | ... | ... | 24 Jun 1994  |
| Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>                                    | ... | ... | ... | 7 Julai 1994 |
| Kali terakhir dipinda<br>melalui Akta A1407 mula<br>berkuat kuasa pada | ... | ... | ... | 1 Jun 2015   |

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

|                                    |     |     |     |      |
|------------------------------------|-----|-----|-----|------|
| <i>Cetakan Semula Yang Pertama</i> | ... | ... | ... | 2007 |
|------------------------------------|-----|-----|-----|------|

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 520

### AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA 1994

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

##### BAHAGIAN II

##### LEMBAGA

3. Lembaga
4. Fungsi Lembaga
5. Keanggotaan Lembaga
6. Pekhidmat awam
7. Kuasa Menteri untuk memberi arahan
8. Penyata, laporan, akaun dan maklumat
9. Kuasa Lembaga untuk menubuhkan jawatankuasa

##### BAHAGIAN III

##### PENGERUSI, PEGAWAI, PEKHIDMAT

10. Pengerusi

Seksyen

11. Ketua Eksekutif
12. Pelantikan pegawai dan pekhidmat Lembaga
13. Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan
14. Peraturan-peraturan berkenaan dengan tatatertib

#### BAHAGIAN IV

##### KEWANGAN

15. Kumpulan Wang
16. Pemeliharaan Kumpulan Wang
17. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
18. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
19. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan)1980 adalah terpakai

#### BAHAGIAN V

##### KUASA LAIN LEMBAGA

20. Kuasa untuk meminjam
21. Kuasa untuk memberi pinjaman
22. Pelaburan
23. Kuasa untuk mengambil khidmat atau melantik
24. Perwakilan fungsi dan kuasa Lembaga

#### BAHAGIAN VI

##### PENDAFTARAN DAN AKREDITASI KONTRAKTOR

25. Pendaftaran kontraktor
- 25A. Akreditasi kontraktor
26. Daftar
27. Notis menghendaki butir-butir
28. Penalti kerana tidak mematuhi notis
29. Penalti bagi menjalankan kerja pembinaan tanpa didaftarkan

Seksyen

- 30. Notis supaya menghentikan kerja pembinaan
- 31. Kontraktor tertakluk kepada Akta ini

BAHAGIAN VII

PENDAFTARAN, AKREDITASI, PEMERAKUAN DAN LATIHAN  
PERSONEL BINAAN

- 32. Tafsiran
- 33. Pendaftaran personel binaan
- 33A. Akreditasi dan pemerakuan penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir
- 33B. Institutsi latihan, dsb.

BAHAGIAN VIIA

STANDARD DAN KOD AMALAN DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

- 33C. Lembaga hendaklah memperakukan bahan binaan
- 33D. Berurusan dengan bahan binaan yang tidak diperakukan
- 33E. Notis oleh Lembaga bagi orang yang berurusan dengan bahan binaan yang tidak diperakukan
- 33F. Kod amalan bagi industri pembinaan

BAHAGIAN VIII

LEVI

- 34. Pengenaan levi
- 34A. Levi kena dibayar sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada Lembaga

BAHAGIAN VIIIA

KEWAJIPAN KONTRAKTOR

- 34B. Kewajipan kontraktor
- 34C. Pelanggaran kewajipan oleh kontraktor

Seksyen

- 34D. Kematian yang disebabkan oleh pelanggaran kewajipan oleh kontraktor
- 34e. Kewajipan orang yang menguruskan atau mengawal tapak pembinaan

#### BAHAGIAN IX

##### PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

- 35. Pemberian kuasa kepada pegawai
- 35A. Kuasa penyiasatan
- 35B. Kad kuasa
- 35C. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
- 35D. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
- 35E. Pemeriksaan atau pengujian bahan binaan, dsb., yang disita
- 35F. Pelantikan juruanalisis
- 35G. Perakuan analisis
- 35H. Kuasa untuk memasuki premis, dsb.
- 35I. Pemeriksaan orang
- 35J. Capaian kepada data berkomputer
- 35K. Waran boleh diterima walau apa pun kecacatan
- 35L. Senarai benda yang disita
- 35M. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes
- 35N. Pemeriksaan orang yang mengetahui kes
- 35O. Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan
- 35P. Penjualan dan pelupusan bahan yang disita
- 35Q. Bahan binaan yang disita, dsb., boleh dilucuthakkan
- 35R. Pelepasan benda yang disita
- 35S. Kos memegang kelengkapan dsb., yang disita
- 35T. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
- 35U. Halangan
- 35V. Kuasa polis
- 35W. Kuasa tambahan

BAHAGIAN X

AM

Seksyen

36. Obligasi kerahsiaan
37. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
38. Penjalanan pendakwaan
- 38A. Kehadiran bagi pihak Lembaga dalam prosiding sivil
- 38B. Perlindungan kepada Lembaga, dsb.
- 38C. Pengkompaunan kesalahan
39. Penalti am
- 39A. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.
40. Kuasa untuk mengecualikan
41. Peruntukan peralihan dan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT





## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 520

#### AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA 1994

Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsinya yang berhubungan dengan industri pembinaan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

*[Bahagian I, II, III, IV, V, IX & s.37, 38, 39 dan 40  
Bahagian X—1 Disember 1994, P.U. (B) 534/1994;  
Bahagian VI & ss. 41(1) Bahagian X—20 Julai 1995,  
P.U. (B) 339/1995; Bahagian VIII & ss. 41(2)  
Bahagian X—1 Oktober 1995, P.U. (B) 457/1995;  
Bahagian VII—1 Julai 1999, P.U. (B) 227/1999]*

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia; walau bagaimanapun Menteri boleh melalui perintah menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta ini di mana-mana bahagian di Malaysia.

## Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“akreditasi” ertinya suatu tatacara yang dengannya Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga memberikan suatu pengiktirafan rasmi bahawa suatu badan atau orang adalah kompeten untuk menjalankan suatu tugas khusus yang berhubungan dengan industri pembinaan;

“Akta ini” termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

“anggota” ertinya seseorang anggota Lembaga termasuk Pengerusi;

“bahan binaan” ertinya apa-apa jenis, saiz dan sifat bahan, permulaan, sementara, pertengahan atau siap, sama ada dikilangkan secara tempatan atau diimport yang digunakan bagi maksud industri pembinaan;

“bangunan” ertinya mana-mana bangunan atau struktur tetap atau sementara termasuk mana-mana rumah, pondok, bangsal atau kepungan beratap, sama ada digunakan bagi maksud kediaman manusia atau selainnya, dan juga mana-mana dinding, bumbung, pagar, platform, pementasan, pintu pagar, tiang, pilar, pagar pancang, bingkai, dinding adang, pelancar, limbungan, dermaga, tiang sambut, jeti, pelantar pendaratan, jalan atau jambatan, atau apa-apa penyokong struktur atau asas yang berkaitan dengan yang disebut sebelumnya dan apa-apa binaan lain, sebagaimana yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai bangunan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

“berurusan” ertinya mengendalikan, menggunakan, mengilangkan, membekalkan, memasarkan, memindahkan, menjual atau membeli, sama ada secara borong atau runcit, mengimport atau mengeksport;

“buatan kerja binaan” ertinya teknik, kaedah atau proses pembinaan, termasuklah produk akhir kerja pembinaan;

“industri pembinaan” ertinya industri yang berkaitan dengan kerja pembinaan, termasuklah reka bentuk, pengilangan, teknologi, bahan dan buatan kerja binaan dan perkhidmatan bagi maksud pembinaan;

“institusi latihan” ertinya sesuatu institusi, tempat atau premis yang menyediakan latihan dan aktiviti berkaitan yang lain bagi personel binaan;

“kerja pembinaan” ertinya pembinaan, penyambungan, pemasangan, pembaikan, penyenggaraan, pembaharuan, pemindahan, pengubahsuaian, pengubahan, perombakan, atau perobohan—

- (a) mana-mana bangunan, binaan, bangunan besar, struktur, dinding, pagar atau cerobong, sama ada dibina keseluruhannya atau sebahagiannya di atas atau di bawah paras bumi;
- (b) mana-mana jalan, kerja pelabuhan, landasan kereta api, laluan kabel, terusan atau lapangan terbang kecil;
- (c) apa-apa kerja saluran, tali air atau kerja pengawalan sungai;
- (d) apa-apa kerja elektrik, mekanikal, air, gas, petrokimia atau telekomunikasi; atau
- (e) mana-mana jambatan, jejambat, empangan, takungan, kerja tanah, talian paip, salur najis, akueduk, pembetung, pemacu, syaf, terowong atau kerja penebusgunaan,

dan termasuklah—

- (A) apa-apa kerja yang membentuk bahagian yang penting dan perlu atau sebagai persediaan atau sementara bagi kerja-kerja yang diperihalkan dalam perenggan (a) hingga (e), termasuk pembersihan tapak, penyelidikan dan pembaikan tanah, pemindahan tanah, penggalian, peletakan batu asas, pemulihan dan landskap tapak; atau
- (B) pemerolehan bahan binaan, kelengkapan atau pekerja, yang semestinya dikehendaki bagi mana-mana kerja yang diperihalkan dalam perenggan (a) hingga (e);

“Ketua Eksekutif” ertinya Ketua Eksekutif yang dilantik di bawah seksyen 11;

“kod amalan” ertinya mana-mana kod, garis panduan, standard, kaedah, spesifikasi atau amalan yang diluluskan oleh Lembaga;

“kontraktor” ertinya seseorang yang menjalankan atau menyiapkan atau mengaku janji untuk menjalankan atau menyiapkan apa-apa kerja pembinaan;

“kontraktor berdaftar” ertinya seseorang kontraktor yang berdaftar mengikut Akta ini;

“Kumpulan Wang” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 15;

“latihan” termasuklah menyediakan atau menjalani proses tertentu untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan seseorang berhubung dengan industri pembinaan;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berhubungan dengan kerja raya;

“pegawai diberi kuasa” ertinya—

- (a) seorang pegawai Lembaga yang diberi kuasa di bawah seksyen 35; atau
- (b) seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor di bawah seksyen 35v;

“pekerja binaan am” ertinya mana-mana pekerja atau golongan pekerja yang tidak mahir dan yang diambil bagi kerja manual;

“pekerja binaan mahir” ertinya mana-mana pekerja yang memiliki tahap kemahiran, pengetahuan, kelayakan dan pengalaman yang diterima bagi satu tred atau lebih sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dan yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga;

“pekerja binaan separa mahir” ertinya mana-mana pekerja yang memiliki tahap kemahiran, pengetahuan, kelayakan dan pengalaman yang diterima bagi satu tred atau lebih sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;

“pemerakuan” ertinya suatu tatacara yang dengannya Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga memberikan jaminan bertulis bahawa sesuatu proses, amalan atau perkhidmatan mematuhi kehendak yang tertentu;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 5;

“Pengurus” ertinya mana-mana pegawai Lembaga yang memegang jawatan yang setara dengan Gred 41 ke atas dalam perkhidmatan Kerajaan;

“pengurus projek binaan” ertinya mana-mana pekerja yang memiliki tahap kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diterima sebagaimana yang ditentukan dan yang ditugaskan kepada tapak pembinaan atau mana-mana tempat lain yang sedemikian untuk mengatur, merancang, mengawal dan menyelaraskan kerja pembinaan dari awal hingga selesai;

“penyelia tapak binaan” ertinya mana-mana pekerja yang memiliki tahap kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diterima yang ditugaskan kepada suatu tapak pembinaan atau mana-mana tempat lain yang sedemikian untuk menyelia kerja pembinaan;

“personel binaan” ertinya—

- (a) pekerja binaan am;
- (b) pekerja binaan separa mahir;
- (c) pekerja binaan mahir;
- (d) penyelia tapak binaan;
- (e) pengurus projek binaan; dan
- (f) mana-mana pekerja lain dalam industri pembinaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;

“personel binaan berdaftar” ertinya seseorang personel binaan yang berdaftar atau diperakukan mengikut Akta ini;

“Sistem Binaan Berindustri atau SBB” ertinya teknik pembinaan yang dengannya komponen dibuat dalam persekitaran yang terkawal, sama ada di tapak atau luar tapak dan seterusnya dibawa, ditempatkan dan dipasangkan ke dalam kerja pembinaan;

“standard” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepadanya dalam Akta Standard Malaysia 1996 [*Akta 549*] dan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [*Akta 652*]; dan

“syarikat” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada “perbadanan” di bawah subsekyen 4(1) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*].

(2) Bagi maksud Akta ini, mana-mana orang yang telah diawardkan atau telah menyempurnakan apa-apa kontrak bagi kerja pembinaan, atau telah mengaku janji untuk menjalankan, menguruskan atau menyiapkan apa-apa kerja pembinaan, atau telah menjalankan, menguruskan atau menyiapkan apa-apa kerja pembinaan hendaklah disifatkan sebagai seorang kontraktor melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

## BAHAGIAN II

### LEMBAGA

#### **Lembaga**

3. Maka dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama “Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia”, dan boleh disebut bagi kesemua maksud dengan akronim “CIDB”, dan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, yang boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas nama perbadanannya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahkan semula, memindahkan hak milik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Lembaga, mengikut apa-apa terma yang difikirkannya patut.

#### **Fungsi Lembaga**

4. (1) Fungsi Lembaga ialah—

- (a) memajukan dan merangsang pembangunan, pembaikan dan pengembangan industri pembinaan;
- (b) menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai perkara yang menyentuh atau berkaitan dengan industri pembinaan;
- (c) memajukan, merangsang dan mengusahakan penyelidikan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan industri pembinaan;

- (d) memajukan, merangsang dan membantu dalam pengeksporan perkhidmatan berhubung dengan industri pembinaan;
- (e) mengadakan perkhidmatan perundingan dan nasihat berkenaan dengan industri pembinaan;
- (f) memajukan dan menggalakkan jaminan kualiti dalam industri pembinaan;
- (g) mengawal selia pematuhan standard bagi buatan kerja binaan dan bahan binaan;
- (h) mendapatkan, menyiarkan, memulakan dan menyenggarakan maklumat yang berhubung dengan industri pembinaan termasuklah penubuhan sistem maklumat industri pembinaan;
- (i) mengadakan, memajukan, mengkaji semula dan menyelaraskan latihan dalam industri pembinaan;
- (j) mendaftar dan mengakreditasi kontraktor, mengenakan apa-apa syarat pendaftaran dan akreditasi kontraktor dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran dan akreditasi kontraktor itu;
- (k) mendaftar, mengakreditasi dan memperakukan personel binaan dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran, akreditasi dan pemerakuan personel binaan itu;
- (l) mengawal selia pelaksanaan bagi kerja pembinaan yang berkualiti dan selamat;
- (m) mengawal selia pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri dalam industri pembinaan; dan
- (n) menguruskan apa-apa aduan atau laporan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa kegagalan kerja pembinaan atau kerja pembinaan yang telah siap yang menyentuh keselamatan awam dan mengambil tindakan yang sesuai untuk menanganinya.

(2) Lembaga mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya dan, khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan makna yang tersebut di atas—

- (a) menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti yang berhubungan dengan industri pembinaan, yang penjalanannya didapati oleh Lembaga adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya;
- (b) memberikan pengiktirafan rasmi dan jaminan bertulis termasuk mengawardkan perakuan bagi maksud pemerakuan;
- (c) dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan—
  - (i) membuat apa-apa perkongsian, usaha sama, program penswastaan, skim, perusahaan, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan yang lain bagi perkongsian keuntungan atau menjalankan aktiviti secara bersekutu dengan, atau selainnya, mana-mana orang, pihak berkuasa awam atau Kerajaan;
  - (ii) memperoleh syer atau sekuriti dalam mana-mana pihak berkuasa awam, perbadanan atau badan lain dan melupuskan atau memegang syer atau sekuriti itu;
  - (iii) menubuhkan suatu perbadanan dengan nama yang difikirkan patut oleh Lembaga untuk menjalankan dan mempunyai jagaan, pengelolaan dan pengurusan ke atas mana-mana projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan oleh Lembaga sama ada di bawah kawalan atau sebahagian kawalan Lembaga;
  - (iv) menubuhkan atau memajukan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dan menjalankan atau mengambil dan mempunyai jagaan, pengelolaan dan pengurusan ke atas mana-mana projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan oleh Lembaga sama ada di bawah kawalan atau sebahagian kawalan Lembaga;
- (d) mengadakan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman atau selainnya kepada orang yang terlibat dalam industri pembinaan bagi maksud menggalakkan industri tersebut dan mengadakan apa-apa jaminan bagi pihak mereka;



- (e) menugaskan mana-mana orang atau badan untuk menjalankan penyelidikan atau pembangunan, atau kedua-duanya, berhubungan dengan industri pembinaan;
- (f) mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut untuk melaksanakan mana-mana fungsi atau kuasanya;
- (g) menerima atau membayar sebagai balasan bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan olehnya atau mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan itu, apa-apa komisen atau pembayaran sebagaimana yang dipersetujui dengan mana-mana orang; dan
- (h) melakukan apa-apa benda lain yang difikirkannya patut untuk membolehkannya menjalankan fungsi dan kuasanya dengan berkesan.

(3) Jadual Kedua terpakai bagi tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subperenggan (2)(c)(iii).

(4) Tertakluk kepada seksyen 7, menjadi tanggungjawab Lembaga dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini untuk memastikan bahawa fungsi itu dilaksanakan mengikut apa-apa cara yang akan menjayakan dasar Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dan khususnya dasar yang berhubungan dengan industri pembinaan.

### **Keanggotaan Lembaga**

**5.** (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) enam orang wakil daripada sektor swasta; dan
- (c) empat orang wakil yang hendaklah memegang jawatan dalam perkhidmatan awam,

yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Peruntukan Jadual Pertama adalah terpakai bagi Lembaga.

**Pekhidmat Awam**

6. Semua anggota, pegawai dan pekhidmat Lembaga, semasa menunaikan kewajipan mereka sebagai anggota, pegawai dan pekhidmat Lembaga, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

**Kuasa Menteri untuk memberi arahan**

7. Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri, dan Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan yang selaras dengan Akta ini dan Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, melaksanakan segala arahan sedemikian.

**Penyata, laporan, akaun dan maklumat**

8. (1) Lembaga hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, apa-apa penyata, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti Lembaga sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan, jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain suatu laporan yang memperkatakan aktiviti Lembaga sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya dan laporan itu hendaklah dalam bentuk serta hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Lembaga sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

**Kuasa Lembaga untuk menubuhkan jawatankuasa**

9. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Lembaga boleh melantik mana-mana orang yang sesuai menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh memilih mana-mana anggotanya menjadi pengerusi dan boleh mengawal selia tataranya sendiri dan, pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen ini, jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberi kepadanya oleh Lembaga.

(4) Mana-mana mesyuarat jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa, tertakluk kepada subseksyen (3).

(5) Sesuatu jawatankuasa boleh menjemput mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya atas apa-apa perkara yang dibincangkan dengan syarat bahawa orang yang dijemput sedemikian itu tidak berhak mengundi di mana-mana mesyuarat itu.

(6) Anggota sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini dan mana-mana orang yang dijemput di bawah subseksyen (5) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Lembaga.

### BAHAGIAN III

#### PENGERUSI, PEGAWAI, PEKHIDMAT

#### **Pengerusi**

**10.** (1) Tanpa menjejaskan peruntukan lain Akta ini, Pengerusi hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Jika Pengerusi tidak ada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang baik tidak dapat melaksanakan kewajibannya, Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga untuk menjalankan kewajipan Pengerusi.

**Ketua Eksekutif**

**11.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melantik seseorang bergelar “Ketua Eksekutif” menjadi eksekutif utama dan meletakhakkan padanya apa-apa kuasa dan mempertanggungkan atasnya apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Ketua Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan wajar fungsi dan hal ehwal Lembaga.

(3) Ketua Eksekutif hendaklah mempunyai kuasa pengawalan am atas pegawai dan pekhidmat lain Lembaga.

(4) Ketua Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(5) Jika Ketua Eksekutif tiada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang baik tidak dapat melaksanakan kewajipannya, Lembaga boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain melaksanakan kewajipannya.

**Pelantikan pegawai dan pekhidmat Lembaga**

**12.** (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 13, Lembaga boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya wajar, pegawai dan pekhidmat yang perlu bagi menjalankan maksud Akta ini.

(2) Tiada seorang pun layak diambil kerja sebagai pegawai atau pekhidmat Lembaga, jika dia, secara langsung atau secara tidak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya, apa-apa syer atau kepentingan dalam apa-apa kontrak, atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Lembaga.

**Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan**

**13.** Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat Lembaga.

**Peraturan-peraturan berkenaan dengan tatatertib**

**14.** (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tatatertib pegawai dan pekhidmat Lembaga.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan bagi—

- (a) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain; atau
- (b) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain,

seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga sementara menanti keputusan prosiding tatatertib terhadapnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib dan mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh, dalam menetapkan tatacara bagi prosiding tatatertib, memberikan peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil membuat representasi sebelum keputusan diambil oleh Lembaga atas pertuduhan tatatertib terhadap orang itu.

**BAHAGIAN IV**

**KEWANGAN**

**Kumpulan Wang**

**15.** (1) Maka dengan ini ditubuhkan, bagi maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang akan ditadbirkan dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa bagi maksud Akta ini oleh Parlimen;

- (b) wang yang didapati daripada perkhidmatan perundingan dan nasihat yang disediakan oleh Lembaga;
- (c) wang yang didapati daripada penjalanan sistem maklumat industri pembinaan;
- (d) wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau yang terletak hak pada Lembaga;
- (e) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Lembaga;
- (f) jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga bagi maksud menjelaskan mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya;
- (g) wang yang didapati daripada pendaftaran, akreditasi, pemerakuan dan latihan kontraktor dan personel binaan di bawah Akta ini;
- (h) wang yang dipungut dengan cara levi di bawah seksyen 34 Akta ini;
- (ha) wang yang dipungut dan diterima di bawah seksyen 38c; dan
- (i) segala wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada, atau terletak hak pada, Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi, kuasa dan kewajipannya.

### **Pemeliharaan Kumpulan Wang**

**16.** Menjadi kewajipan Lembaga memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan, menjalankan dan menunaikan fungsi, kuasa dan kewajipannya di bawah Akta ini untuk memastikan bahawa jumlah hasil Lembaga, tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Menteri, cukup untuk membayar semua wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

**Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang**

17. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Lembaga, termasuk fi dan kos guaman dan kos dan fi lain, dan saraan bagi pegawai dan pekhidmat yang dilantik dan diambil kerja oleh Lembaga, termasuk elaun persaraan awal;
- (b) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujui terima dengan sepatutnya oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya di bawah seksyen 4;
- (c) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atasnya; dan
- (d) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan Akta ini.

**Perbelanjaan dan penyediaan anggaran**

18. (1) Perbelanjaan Lembaga sehingga sebanyak yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan setiap tahun, Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, dan sebelum permulaan tahun yang berikutnya, Menteri hendaklah memberitahu Lembaga amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

(4) Menteri boleh mengarahkan Lembaga mengemukakan suatu salinan anggaran atau anggaran tambahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

### **Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai**

**19.** Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] adalah terpakai bagi Lembaga dan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

## BAHAGIAN V

### KUASA LAIN LEMBAGA

#### **Kuasa untuk meminjam**

**20.** (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, meminjam, atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh Lembaga bagi memenuhi apa-apa obligasinya atau bagi menunaikan apa-apa kewajipannya.

(2) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, meminjam wang melalui pengeluaran bon, debentur atau saham daripada apa-apa kelas dan nilai dan atas apa-apa terma yang difikirkannya suai manfaat, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) peruntukan modal kerja;
- (b) pelaksanaan fungsi, perjalanan kuasa dan penunaian kewajipan Lembaga di bawah Akta ini;
- (c) pelaksanaan apa-apa fungsi tambahan yang diusahakan oleh Lembaga di bawah Akta ini;
- (d) penebusan apa-apa syer atau saham yang Lembaga dikehendaki atau berhak menebusnya; dan



- (e) apa-apa perbelanjaan lain yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun modal.

### **Kuasa untuk memberi pinjaman**

**21.** Pada melaksanakan fungsinya, menjalankan kuasanya atau menunaikan kewajipannya, Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, memberi pinjaman, dan pinjaman itu boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan oleh Lembaga, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, patut dikenakan dalam mana-mana hal tertentu.

### **Pelaburan**

**22.** Aset Lembaga, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan.

### **Kuasa untuk mengambil khidmat atau melantik**

**23.** Lembaga boleh mengambil khidmat atau melantik dan membayar ejen dan penasihat teknik, termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank, pengurus kumpulan wang, broker saham, juruukur, penilai dan orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan fungsinya, menjalankan kuasanya atau menunaikan kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik.

### **Pewakilan fungsi dan kuasa Lembaga**

**24.** (1) Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut dikenakan, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya, kecuali kuasa untuk meminjam wang, memberikan pinjaman, melabur, membuat peraturan-peraturan, atau kuasa yang dinyatakan di bawah perenggan 4(2)(c) kepada—

- (a) mana-mana anggota Lembaga;

(b) mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga; atau

(c) mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga,

dan mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan sedemikian boleh dilaksanakan, dijalankan atau ditunaikan oleh anggota, jawatankuasa, pegawai atau pekhidmat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(2) Sesuatu perwakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan pada bila-bila masa mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan.

## BAHAGIAN VI

### PENDAFTARAN DAN AKREDITASI KONTRAKTOR

#### **Pendaftaran kontraktor**

**25.** (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan atau menyiapkan, mengaku janji untuk menjalankan atau menyiapkan mana-mana kerja pembinaan atau mengaku dirinya sebagai kontraktor, melainkan jika dia berdaftar dengan Lembaga dan memegang suatu perakuan pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

(2) Tiap-tiap perakuan pendaftaran hendaklah mengikut cara dan bentuk yang ditetapkan.

(3) Lembaga boleh, bagi maksud pendaftaran kontraktor, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(4) Lembaga boleh menggantung, membatalkan, mengembalikan semula atau menolak mana-mana pendaftaran mana-mana orang di bawah Akta ini.

(5) Seseorang yang terkilan dengan keputusan Lembaga yang dibuat di bawah subseksyen (4) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh keputusan Lembaga dimaklumkan kepadanya, merayu kepada Menteri secara bertulis terhadap keputusan itu dan keputusan yang dibuat oleh Menteri adalah muktamad.

### **Akreditasi kontraktor**

**25A.** (1) Lembaga boleh mengakreditasi kontraktor mengikut cara dan bentuk yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Lembaga boleh, bagi maksud akreditasi kontraktor mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

### **Daftar**

**26.** Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar kontraktor berdaftar dan diakreditasi di bawah Akta ini.

### **Notis menghendaki butir-butir**

**27.** (1) Bagi maksud menjalankan fungsinya di bawah seksyen 4, Lembaga boleh dengan notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki mana-mana orang untuk menzahirkan dan memberi apa-apa butir yang dalam pengetahuan orang itu, atau yang dia boleh mendapatkan, berhubungan dengan industri pembinaan atau apa-apa yang dikehendaki di bawah Akta mengikut apa-apa cara dan bentuk sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.

(2) Notis di bawah subseksyen (1) boleh disampaikan dengan menyerahkannya melalui penyampaian ke diri atau secara pos berdaftar.

(3) Sesuatu notis boleh menghendaki maklumat dizahirkan dan diberikan pada masa tertentu atau dalam lat-lat tempoh tertentu.

(4) Lembaga tidak boleh menghendaki mana-mana orang memberikan maklumat di bawah seksyen ini yang akan menzahirkan apa-apa rahsia perdagangan.

### **Penalti kerana tidak mematuhi notis**

**28.** Seseorang yang—

(a) tidak mematuhi kehendak suatu notis yang dikeluarkan di bawah seksyen 27; atau

- (b) dengan disedarinya atau secara melulu memberikan atau menyebabkan diberikan apa-apa butir palsu mengenai apa-apa perkara yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah seksyen 27,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit dan dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

### **Penalti bagi menjalankan kerja pembinaan tanpa didaftarkan**

**29.** Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 25(1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

### **Notis supaya menghentikan kerja pembinaan**

**30.** (1) Jika Lembaga mendapati bahawa kerja pembinaan sedang dijalankan atau telah disiapkan, atau telah diaku janji untuk dijalankan atau disiapkan oleh mana-mana orang yang tidak berdaftar dengan Lembaga di bawah Akta ini, Lembaga hendaklah melalui notis bertulis yang disampaikan kepada orang itu menghendaki orang itu untuk berhenti daripada memulakan atau meneruskan kerja pembinaan atau daripada mengaku janji untuk menjalankan atau menyiapkan kerja pembinaan itu, dengan atau tanpa syarat.

(1A) Jika Lembaga mendapati bahawa kerja pembinaan sedang dijalankan atau disiapkan, atau telah diaku janji untuk dijalankan atau disiapkan oleh seorang kontraktor berdaftar berlanggaran dengan mana-mana peruntukan Akta ini, Lembaga boleh, melalui notis bertulis yang disampaikan kepada orang itu, menghendaki orang itu untuk berhenti daripada memulakan atau meneruskan kerja pembinaan atau mengaku janji untuk menjalankan atau menyiapkan kerja pembinaan itu, dengan atau tanpa syarat.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi kehendak notis di bawah subseksyen (1) atau subseksyen (1A) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

### **Kontraktor tertakluk kepada Akta ini**

**31.** Tiap-tiap kontraktor, sama ada berdaftar di bawah Akta ini atau tidak, adalah tertakluk kepada Akta ini.

## **BAHAGIAN VII**

### **PENDAFTARAN, AKREDITASI, PEMERAKUAN DAN LATIHAN PERSONEL BINAAN**

#### **Tafsiran**

**32.** Bagi maksud Bahagian ini, “*tred*” ertinya *tred* atau pekerjaan yang pada kebiasaannya dikaitkan dengan pekerja binaan mahir.

#### **Pendaftaran personel binaan**

**\*33.** (1) Seseorang tidak boleh terlibat atau diambil atau mengaku janji untuk terlibat atau diambil sebagai personel binaan melainkan jika dia berdaftar dengan Lembaga dan memegang suatu perakuan pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

---

*\*CATATAN*—Bagi pemakaian seksyen ini—lihat seksyen 33 Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 [Akta A1407] m.b.p. 1 Jun 2015 seperti di bawah:

#### **“Peruntukan peralihan**

33. (1) Mana-mana personel binaan yang, sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, telah terlibat atau diambil atau mengaku janji untuk terlibat atau diambil sebagai personel binaan termasuk mana-mana penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir, boleh terus berbuat demikian selama tempoh dua belas bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Semasa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), personel binaan termasuk penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir itu hendaklah, dengan seberapa cepat yang dapat dilaksanakan membuat permohonan bagi pendaftaran, akreditasi atau pemerakuan, mengikut mana-mana yang terpakai baginya, mengikut Akta ini.

(3) Mana-mana orang yang sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, telah berurusan atau mengaku janji untuk diambil dalam berurusan dengan bahan binaan yang dinyatakan di bawah Jadual Keempat tanpa pemerakuan oleh Lembaga, boleh terus berbuat demikian selama tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.”.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi mana-mana personel binaan yang mempunyai kelayakan profesional dan berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(3) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar yang hendaklah mengandungi nama, alamat, tred, kemahiran dan butir-butir lain personel binaan berdaftar.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

### **Akreditasi dan pemerakuan penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir**

**\*33A.** (1) Tiada penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir boleh terlibat atau diambil, atau mengaku janji untuk terlibat atau diambil sebagai penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir melainkan jika dia diakreditasi dan diperakuan oleh Lembaga dan memegang suatu perakuan yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud Akta ini, pekerja binaan mahir adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Ketiga.

(4) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar yang hendaklah mengandungi nama, alamat, tred,

---

*\*CATATAN*—Bagi pemakaian seksyen ini—lihat seksyen 33 Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 [*Akta A1407*] m.b.p. 1 Jun 2015 seperti di bawah:

#### **“Peruntukan peralihan**

33. (1) Mana-mana personel binaan yang, sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, telah terlibat atau diambil atau mengaku janji untuk terlibat atau diambil sebagai personel binaan termasuk mana-mana penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir, boleh terus berbuat demikian selama tempoh dua belas bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Semasa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), personel binaan termasuk penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir itu hendaklah, dengan seberapa cepat yang dapat dilaksanakan membuat permohonan bagi pendaftaran, akreditasi atau pemerakuan, mengikut mana-mana yang terpakai baginya, mengikut Akta ini.

(3) Mana-mana orang yang sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, telah berurusan atau mengaku janji untuk diambil dalam berurusan dengan bahan binaan yang dinyatakan di bawah Jadual Keempat tanpa pemerakuan oleh Lembaga, boleh terus berbuat demikian selama tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.”.

kemahiran dan butir-butir lain penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir yang diakreditasi dan diperakukan.

(5) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

(6) Mana-mana orang yang mengambil mana-mana penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir yang tidak diakreditasi dan diperakukan oleh Lembaga untuk menjalankan apa-apa kerja pembinaan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

### **Institusi latihan, dsb.**

**33B.** (1) Lembaga, bagi maksud latihan, akreditasi dan pemerakuan personel binaan boleh—

- (a) menubuhkan, memajukan, dan mengakreditasi institusi latihan;
- (b) menubuhkan suatu badan untuk menjalankan penilaian atau penaksiran atau untuk menjalankan pemeriksaan ke atas institusi latihan itu;
- (c) menubuhkan suatu badan untuk membangunkan, memantau dan mengubahsuaikan kurikulum kursus pengajian, standard dan program latihan yang ditawarkan oleh institusi latihan itu;
- (d) memberikan pengiktirafan rasmi dan jaminan bertulis termasuk mengawardkan perakuan atau apa-apa kelayakan lain kepada institusi latihan itu;
- (e) menggantung atau membatalkan akreditasi institusi latihan kerana melanggar atau tidak mematuhi syarat akreditasi; dan
- (f) melakukan apa-apa benda lain yang disifatkan suai manfaat atau perlu oleh Lembaga bagi maksud Bahagian ini.

## BAHAGIAN VIIA

## STANDARD DAN KOD AMALAN DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

**Lembaga hendaklah memperakukan bahan binaan**

**33c.** (1) Lembaga hendaklah, mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga, memperakukan bahan binaan yang digunakan dalam industri pembinaan dan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat mengikut standard yang dinyatakan dalam Jadual itu.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Keempat.

(3) Lembaga boleh menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar mengenai butir-butir dan rekod kesemua bahan binaan yang diperakukan.

(4) Lembaga boleh, bagi maksud pemerakuan di bawah subseksyen (1), mengenakan syarat yang difikirkannya patut.

(5) Lembaga boleh menggantung, membatalkan, mengembalikan semula atau menolak pemerakuan dalam hal keadaan yang ditentukan oleh Lembaga.

**Berurusan dengan bahan binaan yang tidak diperakukan**

**\*33d.** (1) Seseorang tidak boleh berurusan atau mengaku janji untuk berurusan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan bahan binaan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat melainkan jika bahan binaan itu telah diperakukan oleh Lembaga.

---

*\*CATATAN*—Bagi pemakaian seksyen ini—lihat seksyen 33 Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 [Akta A1407] m.b.p. 1 Jun 2015 seperti di bawah:

**“Peruntukan peralihan**

33. (1) Mana-mana personel binaan yang, sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, telah terlibat atau diambil atau mengaku janji untuk terlibat atau diambil sebagai personel binaan termasuk mana-mana penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir, boleh terus berbuat demikian selama tempoh dua belas bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Semasa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), personel binaan termasuk penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir itu hendaklah, dengan seberapa cepat yang dapat dilaksanakan membuat permohonan bagi pendaftaran, akreditasi atau pemerakuan, mengikut mana-mana yang terpakai baginya, mengikut Akta ini.

(3) Mana-mana orang yang sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, telah berurusan atau mengaku janji untuk diambil dalam berurusan dengan bahan binaan yang dinyatakan di bawah Jadual Keempat tanpa pemerakuan oleh Lembaga, boleh terus berbuat demikian selama tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.”.



(2) Mana-mana orang yang berurusan atau mengaku janji untuk berurusan dengan bahan binaan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat tanpa pemerakuan Lembaga melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

### **Notis oleh Lembaga bagi orang yang berurusan dengan bahan binaan yang tidak diperakukan**

**33E.** (1) Jika mana-mana bahan binaan yang tidak diperakukan mengikut Akta ini sedang diuruskan atau sedang diakui janji untuk diuruskan oleh atau akan diuruskan oleh mana-mana orang, Lembaga boleh, melalui notis dalam bentuk yang ditetapkan, menyampaikan kepada orang itu menghendaki orang itu supaya berhenti memulakan atau meneruskan, melibatkan diri dalam atau terlibat dalam atau mengaku janji untuk melibatkan diri atau terlibat dalam berurusan dengan bahan binaan yang tidak diperakukan itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak notis di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

### **Kod amalan bagi industri pembinaan**

**33F.** Lembaga atau mana-mana badan lain yang diberi kuasa oleh undang-undang boleh, dari semasa ke semasa, merumuskan, membangunkan, menyemak semula dan meluluskan mana-mana kod amalan yang sesuai dan perlu bagi industri pembinaan.

## **BAHAGIAN VIII**

### **LEVI**

#### **Pengenaan levi**

**34.** (1) Tiap-tiap kontraktor hendaklah mengisytiharkan dan mengemukakan kepada Lembaga, mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga, apa-apa kontrak yang telah diawardkan kepadanya mengenai apa-apa kerja pembinaan.

(2) Bagi tiap-tiap kontrak yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada disetemkan atau tidak, yang mempunyai jumlah kontrak yang melebihi lima ratus ribu ringgit, kontraktor hendaklah bertanggung untuk membayar kepada Lembaga suatu levi pada kadar suku peratus daripada jumlah kontrak itu.

(3) Tiap-tiap kontraktor hendaklah menzahirkan sepenuhnya kepada Lembaga semua fakta dan hal keadaan yang menyentuh liabilitinya untuk membayar levi itu.

(4) Lembaga hendaklah memberitahu kontraktor amaun levi yang kena dibayar dalam apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga dan pemberitahuan oleh Lembaga itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang amaun levi yang kena dibayar oleh kontraktor.

(5) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengubah kadar levi yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

(6) Dalam keadaan apabila terdapat lebih daripada seorang kontraktor yang merupakan pihak kepada suatu kontrak yang disebut dalam subseksyen (1), setiap dan tiap-tiap kontraktor itu adalah bertanggung bersesama dan berasingan untuk membayar levi itu, melainkan jika dibuktikan sebaliknya sehingga memuaskan hati Lembaga.

(7) Jika Lembaga mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana syarat dalam mana-mana kontrak yang disebut dalam subseksyen (1) mempunyai kesan secara langsung atau tidak langsung yang—

- (a) mengubah jumlah kontrak yang dikenakan levi yang kena dibayar atau yang jika tidak kerana itu akan menjadi kena dibayar;
- (b) melepaskan mana-mana orang daripada apa-apa liabiliti yang telah timbul atau yang jika tidak kerana itu akan timbul untuk membayar levi itu;
- (c) menghindari atau mengelakkan daripada apa-apa kewajipan atau liabiliti yang dikenakan atau yang jika tidak kerana itu akan dikenakan ke atas mana-mana orang oleh Akta ini; atau

- (d) menghalang atau mencegah kuat kuasa Akta ini dalam mana-mana hal,

Lembaga boleh, tanpa menjejaskan kesahan yang dipunyainya dalam apa-apa hal lain atau bagi apa-apa maksud, untuk tidak mengambil kira atau untuk mengubah syarat itu dan membuat apa-apa penyesuaian sebagaimana yang difikirkannya patut, dengan tujuan untuk mengurangkan keseluruhan atau mana-mana bahagian kesan langsung atau tidak langsung syarat sedemikian dalam kontrak itu.

(8) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (7), Lembaga boleh—

- (a) menganggap nilai keseluruhan mana-mana kerja pembinaan atau mana-mana bahagian daripadanya sebagai nilai bagi jumlah kontrak;
- (b) membuat apa-apa pengiraan atau pindaan mengenai apa-apa nilai mana-mana kerja pembinaan atau kontrak sebagaimana yang perlu untuk menyemak semula liabiliti mana-mana orang untuk membayar levi atau mengenakan apa-apa liabiliti untuk membayar levi ke atas mana-mana orang mengikut perjalanan kuasa itu olehnya; dan
- (c) membuat apa-apa pindaan sebagaimana yang perlu bagi menyemak semula liabiliti mana-mana orang untuk membayar levi atau mengenakan apa-apa liabiliti untuk membayar levi ke atas mana-mana orang mengikut perjalanan kuasa itu olehnya.

(9) Jika seseorang kontraktor tidak membayar apa-apa levi yang kena dibayar dalam tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga, kontraktor itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau empat kali ganda amaun levi yang kena dibayar itu, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(10) Seseorang kontraktor yang melanggar subseksyen (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

**Levi kena dibayar sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada Lembaga**

**34A.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, amaun apa-apa levi yang kena dibayar di bawah Bahagian ini boleh didapatkan kembali sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada Lembaga.

## BAHAGIAN VIII A

## KEWAJIPAN KONTRAKTOR

**Kewajipan kontraktor**

**34B.** (1) Seseorang kontraktor yang mengusahakan apa-apa kerja pembinaan hendaklah—

- (a) memberitahu dan mengemukakan kepada Lembaga apa-apa maklumat dan dokumen, termasuk apa-apa dokumen sokongan yang berhubungan dengan kerja pembinaan itu, sama ada baru atau sebaliknya, mengikut Akta ini;
- (b) memastikan kerja pembinaan dijalankan mengikut peruntukan Akta ini, mana-mana peraturan, terma dan syarat yang dikenakan oleh Lembaga dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan
- (c) memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan sama ada semasa atau selepas kerja pembinaan.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan” ertinya memastikan bahawa mana-mana bangunan atau kerja pembinaan yang sedang dijalankan atau telah dijalankan dengan apa-apa cara yang—

- (a) tidak menyebabkan, atau mengancam untuk menyebabkan risiko kecederaan kepada mana-mana orang atau kerosakan kepada apa-apa harta; atau
- (b) tidak menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan keruntuhan keseluruhan atau sebahagian—
  - (i) bangunan yang berkenaan dengannya kerja pembinaan itu sedang dijalankan atau telah dijalankan; atau

- (ii) apa-apa bangunan, jalan atau pembentukan semula jadi lain yang bertentangan, selari, bersebelahan atau rapat dengan mana-mana bahagian bangunan atau kerja pembinaan itu.

### **Pelanggaran kewajipan oleh kontraktor**

**34c.** (1) Jika Lembaga berpendapat bahawa seseorang kontraktor telah melanggar mana-mana kewajibannya di bawah subseksyen 34B(1), Lembaga boleh membuat sama ada salah satu atau semua yang berikut:

- (a) mengambil orang yang berkelayakan atau pakar untuk menjalankan apa-apa penyiasatan dan ujian sebagaimana yang perlu dan untuk menasihati Lembaga tentang semua perkara yang berhubungan dengan keselamatan bangunan yang berkenaan dengannya kerja pembinaan sedang dijalankan atau telah dijalankan;
- (b) mengenakan ke atas kontraktor itu, semua atau mana-mana arahan dalam subseksyen (2);
- (c) mengenakan penalti yang tidak melebihi lima ratus ribu ringgit ke atas kontraktor itu.

(2) Lembaga boleh, bagi maksud keselamatan awam atau mencegah apa-apa situasi yang disebut dalam subseksyen 34B(2), mengeluarkan suatu arahan bertulis kepada kontraktor kerja pembinaan itu, supaya kontraktor itu—

- (a) serta-merta menghentikan kerja pembinaan itu;
- (b) menjalankan atau menyebabkan supaya dijalankan dengan kos kepada kontraktor apa-apa pemeriksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;
- (c) menjalankan atau menyebabkan supaya dijalankan dengan kos kepada kontraktor apa-apa kerja pembinaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;
- (d) memusnahkan atau menyebabkan supaya dimusnahkan dengan kos kepada kontraktor bangunan yang cacat, atau apa-apa kegagalan atau kejadian lain yang berlaku yang berkenaan dengannya kerja pembinaan itu sedang dijalankan atau telah dijalankan atau mana-mana bahagian daripadanya, dan mengalihkan apa-apa sisa runtuh akibat pemusnahan itu; atau

(e) membatalkan atau menggantung pendaftaran kontraktor itu yang diberikan di bawah Akta ini.

(3) Jika mana-mana kontraktor tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah seksyen ini dalam masa yang dinyatakan, Lembaga boleh menjalankan arahan itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Lembaga dan mendapatkan dalam mahkamah yang berbidang kuasa berwibawa, sebagai hutang yang kena dibayar kepada Lembaga, semua perbelanjaan yang dilakukan dengan munasabah oleh Lembaga dalam berbuat demikian daripada kontraktor itu.

(4) Tanpa menjejaskan hak Lembaga untuk menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (3), mana-mana kontraktor yang tanpa alasan yang munasabah, tidak mematuhi mana-mana arahan yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan berkenaan dengan ketidakpatuhan yang berterusan, dikenakan denda tambahan tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(5) Mana-mana kontraktor yang kepadanya suatu arahan di bawah subseksyen (2) telah dikeluarkan, semasa arahan itu berkuat kuasa, hendaklah mempamerkan suatu salinan arahan itu pada tiap-tiap pintu masuk bangunan yang dengannya arahan itu berhubungan, dan salinan itu hendaklah dipamerkan dengan cara yang boleh dibaca dengan mudah oleh orang di luar bangunan itu.

(6) Mana-mana kontraktor yang melanggar subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(7) Lembaga boleh memerintahkan kontraktor kerja pembinaan yang dinyatakan dalam subseksyen (1) untuk membayar atau membayar balik kepada Lembaga, keseluruhan atau sebahagian daripada perbelanjaan yang dilakukan oleh Lembaga bagi pengambilan orang yang berkelayakan atau pakar di bawah perenggan (1)(a) dan sekiranya kontraktor tidak membayar amaun yang kena dibayar itu, Lembaga boleh mendapatkan dalam mahkamah yang berbidang kuasa berwibawa, sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Lembaga, sekian banyak amaun yang kena dibayar oleh kontraktor itu.

**Kematian yang disebabkan oleh pelanggaran kewajipan oleh kontraktor**

**34D.**(1) Mana-mana kontraktor yang melanggar kewajipannya di bawah perenggan 34B(1)(c), dan yang pelanggaran kewajipan itu menyebabkan kematian, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Seksyen 34C terpakai bagi seksyen ini kecuali perenggan 34C(1)(c).

(3) Suatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah menjadi kesalahan boleh tangkap bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

**Kewajipan orang yang menguruskan atau mengawal tapak pembinaan**

**34E.** (1) Mana-mana orang yang mempunyai hak dan kuasa untuk menguruskan atau mengawal mana-mana tapak pembinaan hendaklah mempunyai kewajipan untuk memastikan, setakat yang munasabah dapat dilaksanakan, bahawa tapak pembinaan dan cara-cara memasuki dan keluar dari tapak pembinaan itu adalah selamat dan tidak berbahaya kepada kesihatan.

(2) Kewajipan di bawah subsekyen (1) hanya terpakai berhubungan dengan perkara yang orang itu mempunyai hak dan kuasa untuk menguruskan atau mengawal.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**BAHAGIAN IX**

**PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN**

**Pemberian kuasa kepada pegawai**

**35.** Pengerusi boleh, secara bertulis, memberi kuasa mana-mana pegawai Lembaga untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

**Kuasa penyiataan**

**35A.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiataan di bawah Akta ini.

(2) Apabila selesai penyiataannya, pegawai diberi kuasa hendaklah serta-merta memberikan segala maklumat yang berhubungan dengan pelakuan mana-mana kesalahan kepada seorang pegawai yang menjaga suatu balai polis dan seorang pegawai polis boleh, dengan waran, menangkap mana-mana orang yang mungkin telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

**Kad kuasa**

**35B.** (1) Pengerusi hendaklah mengeluarkan kepada setiap pegawai diberi kuasa suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi.

(2) Bilamana pegawai sedemikian menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

**Pengeledahan dan penyitaan dengan waran**

**35C.** (1) Jika ternyata pada seorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis secara bersumpah dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majistret itu bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) mana-mana premis atau tapak pembinaan telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau
- (b) terdapat dalam mana-mana premis atau tapak pembinaan, keterangan yang perlu kepada pengendalian penyiataan terhadap,

pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan atau kaedah yang dibuat di bawah Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa seorang pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalamnya, pada bila-bila



masa yang munasabah pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan untuk memasuki premis atau tapak pembinaan itu dan jika perlu dengan menggunakan kekerasan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), waran yang dikeluarkan oleh Majistret boleh memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk —

- (a) menggeledah dan menyita apa-apa bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu;
- (b) mengambil sampel apa-apa bahan binaan atau benda yang dijumpai di premis atau tapak pembinaan itu bagi maksud menentukan, dengan ujian atau selainnya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan;
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain yang dijumpai di premis atau tapak pembinaan itu; dan
- (d) mengarahkan bahawa premis atau tapak pembinaan itu atau mana-mana bahagian daripadanya atau apa-apa benda di dalamnya, hendaklah dibiarkan tanpa disentuh, sama ada secara am atau khusus, dengan melekatkan suatu lak.

(3) Seseorang pegawai diberi kuasa yang memasuki mana-mana premis atau tapak pembinaan di bawah seksyen ini boleh membawa bersamanya mana-mana orang dan kelengkapan lain sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam premis atau tapak pembinaan itu atau apa-apa halangan ke premis atau tapak pembinaan itu untuk masuk ke dalam premis atau tapak pembinaan itu;

- (b) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan atau pengalihan yang pegawai diberi kuasa itu diberi kuasa untuk melaksanakannya di bawah seksyen ini; dan
- (c) menahan mana-mana orang yang di dalam premis atau tapak pembinaan itu sehingga penggeledahan itu selesai.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak munasabah untuk mengalihkan apa-apa bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain yang disita di bawah seksyen ini, pegawai diberi kuasa itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain itu di premis atau tapak pembinaan yang di dalamnya bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain itu dijumpai.

### **Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**35D.** Seseorang pegawai diberi kuasa, selepas menerima maklumat, yang mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan suatu waran geledah di bawah seksyen 35C—

- (a) penyiasatan itu akan terjejas;
- (b) matlamat kemasukan itu akan terkecewa;
- (c) mana-mana bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain yang dipercayai dengan munasabah memberikan keterangan bagi pelakuan kesalahan yang diminta itu boleh dipindahkan atau diganggu; atau
- (d) keterangan yang diminta itu boleh diganggu atau dimusnahkan,

boleh menjalankan berkenaan dengan premis atau tapak pembinaan itu, segala kuasa yang disebut dalam seksyen 35C dengan sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

**Pemeriksaan atau pengujian bahan binaan, dsb., yang disita**

**35E.** (1) Jika terdapat keperluan untuk menguji mana-mana bahan binaan atau apa-apa benda lain yang disita di premis atau tapak pembinaan di bawah Akta ini, adalah mencukupi dengan hanya menguji suatu sampel yang tidak melebihi lima peratus daripada nilai atau berat bahan binaan atau apa-apa benda lain yang dijumpai di premis atau tapak pembinaan itu.

(2) Mahkamah hendaklah menganggap bahawa bahan binaan atau apa-apa benda lain yang dijumpai di premis atau tapak pembinaan itu adalah yang sama jenis, kuantiti dan kualiti dengan bahan binaan atau apa-apa benda lain yang disita.

**Pelantikan juruanalisis**

**35F.** Lembaga boleh melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi juruanalisis bagi maksud menjalankan suatu analisis terhadap mana-mana bahan binaan atau apa-apa benda lain dan untuk memperakukan keadaan, jenis, kaedah pengilangan, kualiti, standard dan grednya.

**Perakuan analisis**

**35G.** (1) Suatu perakuan analisis yang ditandatangani oleh seorang juruanalisis hendaklah, apabila dikemukakan oleh Lembaga dalam mana-mana perbicaraan di bawah Akta ini, menjadi keterangan yang mencukupi mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu melainkan jika tertuduh menghendaki supaya juruanalisis itu dipanggil sebagai seorang saksi, dan dalam hal itu dia hendaklah memberikan notis bertulis kepada Lembaga tidak kurang daripada tiga hari genap sebelum permulaan perbicaraan itu.

(2) Jika Lembaga berhasrat untuk memberikan apa-apa perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) sebagai keterangan, Lembaga hendaklah menyerahkan suatu salinan perakuan itu kepada tertuduh tidak kurang daripada sepuluh hari genap sebelum permulaan perbicaraan itu.

**Kuasa untuk memasuki premis, dsb.**

**35H.** Walau apa pun seksyen 35C dan 35D, seorang pegawai diberi kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis atau tapak pembinaan bagi maksud—

- (a) memeriksa apa-apa bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai diberi kuasa itu;
- (b) menentusahkan ketepatan rekod atau pernyataan maklumat yang diberikan kepada pegawai diberi kuasa atau kepada Lembaga; atau
- (c) memungut sampel yang dikehendaki di bawah Akta ini.

**Pemeriksaan orang**

**35I.** Tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang yang lain yang sama jantina dengannya, dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan penuh kesopanan.

**Capaian kepada data berkomputer**

**35J.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan penggeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, capaian hendaklah diberikan dengan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan pemahaman data berkomputer itu.

**Waran boleh diterima walau apa pun kecacatan**

**35K.** Sesuatu waran penggeledahan yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun apa-apa kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu dan mana-mana bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain yang dijumpai di premis atau tapak pembinaan di bawah waran itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

### **Senarai benda yang disita**

**35L.** (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Bahagian ini, pegawai diberi kuasa hendaklah menyediakan suatu senarai bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang dan benda lain yang disita dan mengenai premis atau tapak pembinaan yang di dalamnya ia dijumpai dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Suatu salinan senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada penduduk premis atau tapak pembinaan di mana bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain itu dijumpai atau kepada ejen atau pekhidmatnya di premis atau tapak pembinaan itu.

(3) Jika premis atau tapak pembinaan itu tidak diduduki, pegawai diberi kuasa itu hendaklah, bila-bila masa mungkin, menampalkan suatu senarai kesemua yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis atau tapak pembinaan itu.

### **Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes**

**35M.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh melalui arahan bertulis menghendaki mana-mana orang yang pada hemat pegawai diberi kuasa itu mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki, pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan keengganannya itu kepada Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu saman untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh arahan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

### **Pemeriksaan orang yang mengetahui kes**

**35N.**(1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang yang diperiksa di bawah subseksyen (1) itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa, tetapi orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkan orang itu kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan itu.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bila mana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang pernyataan itu dibuat olehnya; dan
- (b) selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

### **Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan**

**350.** (1) Jika mana-mana orang dipertuduh dengan kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu terjumlah kepada pengakuan salah atau tidak atau secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu ditangkap dan sama ada semasa penyiasatan di bawah Akta ini atau tidak dan sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan, oleh orang itu atau dengan didengari oleh seorang pegawai diberi kuasa atau orang lain, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan orang itu dan, jika orang yang dipertuduh itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen (1) tidak boleh diterima atau digunakan—

- (a) jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datang daripada orang yang berkuasa dan mencukupi, pada pendapat mahkamah itu, untuk memberi orang itu alasan yang ternyata padanya munasabah untuk menjangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa durjana keduniaan berkaitan dengan prosiding terhadapnya; atau
- (b) dalam hal sesuatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas penangkapannya, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa dia telah diberi amaran dengan perkataan seperti yang berikut atau perkataan yang seumpamanya:

“Adalah menjadi kewajipan saya untuk memberikan amaran kepada kamu bahawa kamu tidak perlu berkata apa-apa atau menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa yang kamu katakan, sama ada sebagai menjawab soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan.”.

(3) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang sebelum sempat amaran diberikan kepadanya tidaklah menjadi tidak boleh diterima sebagai keterangan hanya atas alasan dia tidak diberi amaran jika dia telah diberi amaran dengan seberapa segera yang mungkin selepas itu.

(4) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, seseorang yang dipertuduh dengan kesalahan yang baginya subseksyen (1) terpakai tidaklah terikat untuk menjawab apa-apa soalan yang berhubungan dengan kes itu selepas apa-apa amaran sebagaimana yang disebut dalam perenggan (2)(b) telah diberikan kepadanya.

### **Penjualan dan pelupusan bahan yang disita**

**35p.** (1) Pengerusi boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan supaya apa-apa bahan binaan yang disita di bawah Akta ini dijual dan

hasil jualan itu dipegang sementara menunggu keputusan apa-apa pendakwa di bawah Akta ini jika—

- (a) bahan binaan itu adalah daripada jenis mudah rosak atau mutunya mudah merosot;
- (b) penjagaan bahan binaan itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah;
- (c) terdapat kekurangan atau ketiadaan kemudahan yang mencukupi atau sesuai untuk menyimpan bahan binaan itu; atau
- (d) bahan binaan itu dipercayai menyebabkan halangan atau bahaya kepada orang awam.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika juruanalisis memperakui, atau jika keputusan ujian sebagaimana yang diperakukan oleh juruanalisis membuktikan, bahawa bahan binaan yang diuji olehnya tidak berada dalam keadaan baik, pegawai diberi kuasa itu boleh menyimpannya dalam jagaan atau, jika tiada pendakwa dimulakan berkenaan dengan bahan itu, menyebabkan bahan itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Pengerusi.

### **Bahan binaan yang disita, dsb., boleh dilucuthakkan**

**35Q.** (1) Mana-mana bahan binaan atau hasil jualannya, atau mana-mana kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain yang disita pada perjalanan mana-mana kuasa di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Mana-mana bahan binaan atau hasil jualannya, atau mana-mana kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain yang dilucuthakkan atau diambil dan disifatkan telah dilucuthakkan di bawah Bahagian ini hendaklah menjadi harta Lembaga.

### **Pelepasan benda yang disita**

**35R.** (1) Jika apa-apa bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain telah disita di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa yang melakukan penyitaan itu boleh, pada bila-bila masa selepas itu,



melepaskannya kepada orang yang ditentukannya sebagai orang yang berhak ke atasnya di sisi undang-undang jika dia berpuas hati bahawa ia tidak diperlukan selainnya bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan dalam keadaan itu baik pegawai diberi kuasa yang melakukan penyitaan itu, mahupun Kerajaan, Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan atau Lembaga tidak boleh bertanggungjawab bagi apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan itu telah dilakukan dengan suci hati.

(2) Suatu rekod secara bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai diberi kuasa yang melakukan pelepasan di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu dan suatu salinan rekod itu hendaklah dihantar kepada Pendakwa Raya dan kepada Ketua Polis Negara dalam tempoh tujuh hari selepas pelepasan itu.

### **Kos memegang kelengkapan, dsb., yang disita**

**35s.** Jika apa-apa bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain yang disita di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya dipegang dalam jagaan Kerajaan atau Lembaga sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, kos bagi memegang dalam jagaan hendaklah, dalam hal mana-mana orang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan, menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan hendaklah boleh didapati dengan sewajarnya.

### **Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapati**

**35t.** Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain yang disita dalam perjalanan atau berupa sebagai perjalanan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

**Halangan**

**35u.** Seseorang yang—

- (a) mengamang, melengahkan, merintang, menyekat atau menghalang seseorang pegawai diberi kuasa dalam membuat apa-apa kemasukan yang dia berhak untuk membuatnya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturannya dalam pelaksanaan mana-mana kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;
- (b) memecahkan apa-apa lak yang telah diletakkan oleh seseorang pegawai diberi kuasa di mana-mana tempat;
- (c) tidak mematuhi mana-mana permintaan sah seseorang pegawai diberi kuasa dalam menjalankan kewajibannya di bawah Akta ini;
- (d) tidak, enggan atau abai untuk memberikan apa-apa maklumat yang semunasabahnya dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa; atau
- (e) tanpa alasan yang munasabah tidak menunjukkan apa-apa bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Kuasa polis**

**35v.** Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menjalankan kesemua kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

**Kuasa tambahan**

**35w.** Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah, bagi maksud pelaksanaan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan segala atau mana-mana daripada yang berikut:

- (a) menghendaki pengemukaan rekod, akaun, data berkomputer dan dokumen yang dipegang oleh kontraktor atau orang

lain dan untuk meneliti, memeriksa dan memuat turun, membuat salinan atau mengambil cabutan daripadanya;

- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini;
- (c) membuat apa-apa siasatan sebagaimana yang perlu untuk memastikan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

## BAHAGIAN X

### AM

#### **Obligasi kerahsiaan**

**36.** (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota, pegawai atau pekhidmat Lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah diperolehnya semasa menjalankan kewajibannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

#### **Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**37.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi—

- (a) menetapkan syarat, cara, bentuk, jenis, gred dan tatacara bagi pendaftaran, akreditasi atau pemerakuan kontraktor dan personel binaan dan penggantungan, pembatalan, pengembalian semula atau penolakan pendaftaran, akreditasi atau pemerakuan kontraktor dan personel binaan;

- (b) menetapkan cara, bentuk dan tatacara bagi pungutan levi;
- (c) menetapkan bentuk dan cara penyampaian mana-mana notis yang dikehendaki di bawah Akta ini;
- (d) menetapkan fi dan caj yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa perkara yang dikehendaki bagi maksud Akta ini;
- (e) menetapkan syarat, cara, bentuk, jenis, gred dan penentuan standard kemahiran dan kecekapan personel binaan;
- (f) menetapkan tanggungjawab dan kawalan anggota, pegawai dan pekhidmat Lembaga;
- (g) menetapkan cara baginya dan terma dan syarat yang atasnya pinjaman boleh diberikan oleh Lembaga di bawah seksyen 21;
- (h) mengadakan peruntukan pada amnya mengenai pelaksanaan fungsi, perjalanan kuasa dan penunaian kewajipan Lembaga di bawah peruntukan Akta ini;
- (i) menetapkan bentuk, kaedah dan tatacara bagi pengkompaunan kesalahan;
- (j) memperoleh, mendapatkan dan menyenggara maklumat yang berhubungan dengan industri pembinaan;
- (k) menetapkan mekanisme rayuan bagi mana-mana keputusan Lembaga kepada Menteri dan boleh memperuntukkan bahawa keputusan Menteri itu adalah muktamad dan konklusif;
- (l) menetapkan hal keadaan yang terpakai bagi mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa tempoh peralihan apabila mula berkuatkuasanya mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (m) mengawal selia dan menguatkuasakan standard dalam industri pembinaan termasuklah cara, bentuk dan tatacara;
- (n) menetapkan cara, bentuk, jenis dan gred yang berhubungan dengan pemerakuan bahan binaan dan buatan kerja binaan;
- (o) menetapkan syarat dan kehendak bagi pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri dalam industri pembinaan; dan
- (p) apa-apa perkara lain secara amnya untuk menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

(3) Mana-mana peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (2) boleh memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar mana-mana peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan penalti denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

### **Penjalanan pendakwaan**

**38.** (1) Tiada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

(2) Mana-mana pegawai Lembaga yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.

### **Kehadiran bagi pihak Lembaga dalam prosiding sivil**

**38A.** Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Lembaga—

- (a) mana-mana pegawai Lembaga atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa oleh Pengerusi; atau
- (b) mana-mana anggota Badan Peguam Malaysia,

boleh bagi pihak Lembaga, menjalankan prosiding itu dan boleh membuat dan melakukan semua kehadiran, perbuatan dan permohonan berkenaan dengan prosiding itu.

### **Perlindungan kepada Lembaga, dsb.**

**38B.** (1) Tiada tindakan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap Lembaga atau anggotanya, pegawainya, pekhidmatnya atau ejennya bagi apa-apa benda yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh Lembaga atau anggotanya, pegawainya, pekhidmatnya atau ejennya secara suci hati tanpa kecuaiian dan dibuat bagi menjalankan mana-mana kuasa atau pelaksanaan mana-mana kewajipan di bawah Akta ini.

(2) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau anggotanya, pegawainya, pekhidmatnya atau ejennya berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dilakukan oleh Lembaga atau anggotanya, pegawainya, pekhidmatnya atau ejennya atas sifat itu.

### **Pengkompaunan kesalahan**

**38c.** (1) Lembaga boleh menetapkan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Lembaga, dengan persetujuan Pendakwa Raya secara bertulis, boleh pada bila-bila masa sebelum suatu pertuduhan dimulakan mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan menerima daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum dan dalam hal yang ada denda minimum, suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum tetapi tidak kurang daripada denda minimum yang diperuntukkan yang kepadanya orang itu bertanggungjawab jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu, dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam surat tawaran bertulisnya.

(3) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan bagi kesalahan itu dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Lembaga, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan apa-apa dokumen atau benda yang telah disita yang berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Lembaga, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(5) Semua jumlah wang yang diterima oleh Lembaga di bawah subseksyen (2) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang di bawah Bahagian IV Akta ini.

**Penalti am**

**39.** Mana-mana orang yang dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya melakukan suatu kesalahan dan jika tiada penalti diperuntukkan dengan khususnya boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

**Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.**

**39A.** (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan, firma, persatuan atau mana-mana kumpulan orang lain melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan, firma, persatuan atau kumpulan orang lain itu atau berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau dalam apa-apa cara atau apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan mana-mana hal ehwal pertubuhan perbadanan, firma, persatuan atau kumpulan orang lain itu atau telah membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan, firma, persatuan atau kumpulan orang lain itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan, firma, persatuan atau kumpulan orang lain itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika, setelah mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan semua hal keadaan, dia membuktikan—
  - (i) bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya, keizinannya atau pembiarannya; dan
  - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk mengelak berlakunya kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang adalah bertanggungjawab di bawah Akta ini terhadap apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, kecuaihan atau keingkaran, dia hendaklah dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan,

peninggalan, kecuaiian atau keingkaran mana-mana pekerjanya atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran sedemikian dilakukan—

- (a) oleh pekerjanya dalam masa penggajiannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihaknya; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajiannya oleh ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu yang bertindak bagi pihak orang itu.

### **Kuasa untuk mengecualikan**

**40.** (1) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri untuk dikenakan, mana-mana orang atau golongan orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini bagi apa-apa sebab yang baik yang selaras dengan maksud Akta ini.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* membatalkan mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika Menteri berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak lagi boleh diberikan.

### **Peruntukan peralihan dan kecualian**

**\*41.** (1) Mana-mana orang yang sebelum sahaja tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini telah menjalankan apa-apa kerja pembinaan boleh terus berbuat demikian dalam tempoh dua belas bulan daripada mula berkuat kuasanya Akta ini:

---

\*CATATAN—Bagi pemakaian seksyen ini—lihat seksyen 33 Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 [Akta A1407] m.b.p. 1 Jun 2015 seperti di bawah:

#### **“Peruntukan peralihan**

33. (1) Mana-mana personel binaan yang, sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, telah terlibat atau diambil atau mengaku janji untuk terlibat atau diambil sebagai personel binaan termasuk mana-mana penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir, boleh terus berbuat demikian selama tempoh dua belas bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Semasa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), personel binaan termasuk penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir itu hendaklah, dengan seberapa cepat yang dapat dilaksanakan membuat permohonan bagi pendaftaran, akreditasi atau pemerakuan, mengikut mana-mana yang terpakai baginya, mengikut Akta ini.

(3) Mana-mana orang yang sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, telah berurusan atau mengaku janji untuk diambil dalam berurusan dengan bahan binaan yang dinyatakan di bawah Jadual Keempat tanpa pemerakuan oleh Lembaga, boleh terus berbuat demikian selama tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.”.



Dengan syarat bahawa dalam tempoh itu orang itu hendaklah dengan seberapa segera yang praktik membuat permohonan bagi pendaftaran sebagai kontraktor atau bagi akreditasi, pemerakuan dan pendaftaran sebagai pekerja binaan mahir atau penyelia tapak binaan.

(2) Mana-mana kontraktor yang menjalankan apa-apa kerja pembinaan menurut suatu kontrak yang disempurnakan sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah dikecualikan daripada pembayaran apa-apa levi di bawah seksyen 34.

---

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 5(2)]

PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI LEMBAGA

**Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan**

1. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Lembaga hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan adalah layak dilantik semula.

(2) Pelantikan mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab.

(3) Seseorang anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang dialamatkan kepada Menteri.

(4) Tiap-tiap anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebanyak yang perlu bagi menunaikan kewajibannya dengan berkesan.

**Pengosongan jawatan**

2. (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—
  - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau di bawah seksyen 36; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;

- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya, tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Lembaga;
- (f) jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (g) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika mana-mana orang terhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan-peruntukan yang berkenaan.

### **Saraan atau elaun**

3. Hendaklah dibayar kepada anggota Lembaga atau mana-mana orang lain (yang bukan pegawai atau pekhidmat Lembaga yang termasuk dalam peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan terma dan syarat perkhidmatan yang terpakai baginya) apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

### **Mesyuarat**

4. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua bulan sekali.
- (2) Kuorum Lembaga ialah tujuh orang.
- (3) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Lembaga hendaklah menentukan tataranya sendiri.

### **Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat**

5. Lembaga boleh mengundang atau meminta mana-mana orang (yang bukan anggota Lembaga) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

### **Meterai perbadanan**

6. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan "Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Lembaga.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga, dan hendaklah disahkan oleh Pengerusi atau oleh orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, disahkan sebagaimana yang disebutkan terdahulu, hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Lembaga mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(4) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

### **Penzahiran kepentingan**

7. Seseorang anggota Lembaga yang, secara langsung atau secara tidak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau usaha yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat suatu kontrak atau yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Lembaga, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

### **Minit**

8. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit segala mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit berkenaan dengan prosidingnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

**Kesahan perbuatan dan prosiding**

9. Tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran peruntukan perenggan 7 oleh mana-mana anggota Lembaga; atau
- (c) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

---

**JADUAL KEDUA**

[Subseksyen 24(2)]

PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI PERBADANAN  
YANG DITUBUHKAN OLEH LEMBAGA

**Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan**

1. Lembaga hendaklah, dengan kelulusan Menteri, pada atau sebelum tarikh apa-apa perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 24, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan—

- (a) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.

**Batasan kuasa menubuhkan perbadanan**

2. Tiada apa-apa jua dalam perenggan 1 boleh disifatkan sebagai memberi kuasa Lembaga membuat peraturan-peraturan untuk menubuhkan apa-apa perbadanan bagi apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas bidangnya daripada maksud atau tujuan Lembaga itu ditubuhkan atau memberi mana-mana perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau fungsi yang tidak termasuk antara hak, kewajipan, kuasa atau fungsi Lembaga di bawah Akta ini.

### **Kuat kuasa peraturan-peraturan**

3. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 37, sesuatu perbadanan hendaklah terikat dengan apa-apa peraturan yang dibuat berkenaan dengannya di bawah perenggan 1 dan peraturan-peraturan itu hendaklah berkuat kuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah diperbuat dalam Akta ini.

### **Pindaan peraturan-peraturan**

4. Lembaga boleh pada bila-bila masa, dengan kelulusan Menteri, meminda, membatalkan atau menambah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 berkenaan dengan mana-mana perbadanan.

### **Daftar perbadanan**

5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 24 dan daftar itu, bersama dengan salinan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 dan 4, hendaklah terbuka untuk pemeriksaan awam di tempat atau tempat-tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya.

### **Penggulungan**

6. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendaklah berpindah dan terletak hak pada Lembaga setelah segala liabilitinya ditunaikan.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

### **Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan**

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 24 adalah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga dan hendaklah kekal turun-temurun, dan mempunyai suatu meterai perbadanan dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, skim atau perusahaan yang kerananya perbadanan itu telah ditubuhkan, boleh memasuki kontrak dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan apa-apa harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dalam setiap hal.

**Meterai perbadanan bagi perbadanan**

8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan melingkungi huruf "LPIPM" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan bagi perbadanan itu.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan orang yang diberi kuasa oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, disahkan sebagaimana yang disebutkan terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan dengan cara yang serupa oleh perbadanan; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai perbadanan bagi tiap-tiap perbadanan hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

---

**JADUAL KETIGA**

[Seksyen 2 and subseksyen 33A(2)]

**PEKERJA BINAAN MAHIR**

1. Pemasang Penghawa Dingin Bangunan
2. Pemasang Penghawa Dingin Perindustrian
3. Pembengkok Bar
4. Tukang Blok
5. Penurap Batu
6. Tukang Kayu
7. Pemasang Siling
8. Penjaga Jentera (Berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga)

9. Pengendali Kelengkapan Pam Konkrit
10. Tukang Konkrit
11. Pengendali Kren Berantai
12. Tukang Buat Longkang
13. Pelukis Pelan–Kerja Awam dan Struktur
14. Pelukis Pelan–Kerja Mekanik dan Kejuruteraan
15. Pelukis Pelan–Kerja Seni bina
16. Pemasang Dinding
17. Pengendali Mesin Pengorek
18. Pemasang Alat Melawan Kebakaran
19. Tukang Acuan
20. Jurugegas Paip Gas–Perindustrian
21. Jurugegas Paip Gas–Bangunan
22. Tukang Kaca
23. Peniaga Barang-Barang Besi
24. Tukang Kayu Halus
25. Tukang Lanskap–Lembut
26. Tukang Lanskap–Keras
27. Pekerja Logam
28. Pengendali Pelantar Kerja Mengangkat Bergerak
29. Tukang Cat
30. Tukang Turap
31. Tukang Pasang Cerucuk
32. Tukang Lepa
33. Tukang Paip–Bangunan
34. Tukang Paip–Penyeliratan Air
35. Tukang Bumbung
36. Tukang Baik Pulih
37. Pemasang Alat Kebersihan
38. Tukang Perancah
39. Pembuat Papan Tanda
40. Pengendali Loji Penyelidikan Tanah
41. Pemasang Peralatan Khas

42. Tukang Pasang Struktur Keluli
43. Tukang Batu (Batu Kasar)
44. Pengendali Pengangkutan dan Perlengkapan
45. Tukang Jubin
46. Tukang Pasang Struktur Kayu
47. Pengendali Kren Menara
48. Pekerja Kerja Kalis Air
49. Tukang Kimpal
50. Pendawai (Berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga)
51. Penyelia Tapak-Kerja Arkitek dan Bangunan
52. Penyelia Tapak-Perkhidmatan Bangunan
53. Penyelia Tapak-Kerja Awam dan Infrastruktur
54. Penyelia Tapak-Kerja Elektrik
55. Penyelia Tapak-Am
56. Penyelia Tapak-Kerja Penyenggaraan
57. Penyelia Tapak-Kerja Mekanik
58. Penyelia Tapak-Kerja Struktur
59. Penyelia Tapak-Keselamatan

---

JADUAL KEEMPAT

[Subseksyen 33c(1)]

STANDARD BAGI PEMERAKUAN BAHAN BINAAN

| <i>No.</i> | <i>Jenis bahan binaan</i>            | <i>Standard yang diluluskan oleh Lembaga</i>  |
|------------|--------------------------------------|---|
| 1.         | Peralatan kebersihan (seramik)       |   |
|            | (a) Singki                           | MS 147:2001 : Spesifikasi bagi Kualiti Perkakas Kebersihan Tembikar Berkaca China   |
|            | (b) Mangkuk tandas tanpa tangki pam  | MS 147:2001 dan MS 1522:2007 Spesifikasi bagi Mangkuk Tandas Tembikar Berkaca China |
|            | (c) Mangkuk tandas dengan tangki pam | MS 147:2001, MS 1522:2007 dan MS 795:2002   |



| <i>No.</i> | <i>Jenis bahan binaan</i>  | <i>Standard yang diluluskan oleh<br/>Lembaga</i> |
|------------|--|--|
|            | (d) Bidet dan tempat buang air kecil   | MS 147:2001                                      |
|            | (e) Tangki pam dilengkapi dengan mekanisme                                   | MS 147:2001 dan MS 795:2002                      |
|            | (f) Tangki pam tidak dilengkapi dengan mekanisme                             | MS 147:2001                                      |
|            | (g) Tangki pam plastik   | MS 795:2002                                      |
| 2.         | Jubin seramik  | MS ISO 13006:2003                                |
| 3.         | Perancah bingkai keluli  | MS 1462:1999                                     |
| 4.         | Paip lempung berkaca dan pemasangan dan siku paip bagi saliran dan pembedung | MS 1061: Bahagian 2:2008                         |
| 5.         | Wayar keluli lembut diturunkan sejuk bagi pengukuhan konkrit                 | MS 144:2006                                      |
| 6.         | Serat kimpalan keluli bagi pengukuhan konkrit                                | MS 145:2006                                      |
| 7.         | Simen Portland:  |  |
|            | (a) Simen Portland putih   | MS 888:1991                                      |
|            | (b) Simen Portland mengeras biasa dan cepat                                  | MS 522: Bahagian 1:2007                          |
|            | (c) Simen Portland tahan sulfat  | MS 1037:1986                                     |
|            | (d) Simen Portland relau abu bahan api hancur                                | MS 1227:2003                                     |
|            | (e) Simen Portland relau bagas   | MS 1389:1995                                     |
| 8.         | Simen hidraulik  |  |
|            | (a) Simen abu bahan api hancur pozzolana                                     | MS 1520:2001                                     |
|            | (b) Simen relau bagas sanga tinggi   | MS 1388:1995                                     |
|            | (c) Simen batu   | MS 794:2010                                      |

| <i>No.</i> | <i>Jenis bahan binaan</i>  | <i>Standard yang diluluskan oleh Lembaga</i> |
|------------|--|--|
| 9.         | Bar keluli tergelek panas bagi pengukuhan konkrit  | MS 146:2006                                  |
| 10         | Sistem kekuda bumbung kayu siap dulu   | CIS 5  |
| 11.        | Keratan keluli berstruktur bukan aloi tergelek panas   | MS 1490:2001                                 |
| 12.        | Cerucuk konkrit pra-tuang bagi tapak   | MS 1314:Part 1-6:2004                        |
| 13.        | Tali wayar keluli bagi lif   | MS ISO 4344:2004                             |
| 14.        | Spesifikasi bagi perancah bingkai kelului  | MS 1462:1999                                 |
| 15.        | Produk besi dan keluli   |  |
|            | (a) Spesifikasi bagi batang wayar keluli berkarbon rendah                                    | MS 1092:1987                                 |
|            | (b) Spesifikasi bagi batang wayar keluli berkarbon tinggi                                    | MS 1093:1987                                 |
|            | (c) Spesifikasi bagi wayar keluli berkarbon rendah   | MS 1137:2009                                 |
|            | (d) Spesifikasi bagi lembar tegasan terlega wayar tujuh tak bersalut bagi konkrit prategasan | MS 1138:Bahagian 1-4:2007                    |
|            | (e) Spesifikasi bagi wayar keluli berkarbon rendah yang tergalvani bagi menyalut kabel       | MS 1239-1:2009                               |
| 16.        | Bahan penebatan  |  |
|            | (a) Spesifikasi bagi bahan penebatan terma gentian mineral                                   | MS 1020:2010                                 |
| 17.        | Kaca apung   |  |
|            | (a) Spesifikasi bagi kaca apung dan kaca apung plat digilap                                  | MS 1138:Bahagian 1-4:2007                    |

| <i>No.</i> | <i>Jenis bahan binaan</i>   | <i>Standard yang diluluskan oleh<br/>Lembaga</i> |
|------------|---|--|
| 18.        | MS 1064: 2001 GARIS PANDUAN<br>BAGI PENYELARASAN<br>BERMODUL BANGUNAN |  |
|            | (a) Tangga dan bukaan tangga  | MS 1064: Bahagian 3:2001                         |
|            | (b) Set pintu   | MS 1064: Bahagian 4:2001                         |
|            | (c) Set tingkap   | MS 1064: Bahagian 5:2001                         |
|            | (d) Kepingan rata tegar   | MS 1064: Bahagian 6:2001                         |
|            | (e) Jubin   | MS 1064: Bahagian 7:2001                         |
|            | (f) Batu, bata dan bongkah  | MS 1064: Bahagian 8:2001                         |
|            | (g) Kabinet   | MS 1064: Bahagian 9:2001                         |
|            | (h) Komponen konkrit tetulang   | MS 1064: Bahagian 10:2001                        |

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 520****AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI  
PEMBINAAN MALAYSIA 1994**

## SENARAI PINDAAN

| Undang-undang<br>yang meminda | Tajuk ringkas   | Berkuat kuasa<br>dari |
|-------------------------------|---|-----------------------|
| P.U. (A) 274/1999             | Perintah Lembaga Pembangunan<br>Industri Pembinaan Malaysia<br>(Pindaan Jadual Ketiga) 1999 | 01-07-1999            |
| Akta A1407                    | Akta Lembaga Pembangunan<br>Industri Pembinaan Malaysia<br>(Pindaan) 2011                   | 01-06-2015            |

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 520

## AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA 1994

### SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen           | Kuasa meminda | Berkuat kuasa<br>dari |
|-------------------|---------------|-----------------------|
| 2                 | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 3                 | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 4                 | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 11                | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 15                | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 20 - 24           | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| Tajuk Bahagian VI | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 25                | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 25A               | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 26                | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 27                | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 29 - 31           | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 32                | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 33                | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 33A               | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 33B               | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 33c               | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 33D               | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 33E               | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 33F               | Akta A1407    | 01-06-2015            |
| 34                | Akta A1407    | 01-06-2015            |

| Seksyen        | Kuasa meminda                   | Berkuat kuasa<br>dari    |
|----------------|---------------------------------|--------------------------|
| 34A            | Akta A1407                      | 01-06-2015               |
| 34B            | Akta A1407                      | 01-06-2015               |
| 34c            | Akta A1407                      | 01-06-2015               |
| 34D            | Akta A1407                      | 01-06-2015               |
| 34E            | Akta A1407                      | 01-06-2015               |
| 35             | Akta A1407                      | 01-06-2015               |
| 35A - 35W      | Akta A1407                      | 01-06-2015               |
| 37 - 38        | Akta A1407                      | 01-06-2015               |
| 38A - 38C      | Akta A1407                      | 01-06-2015               |
| 39A            | Akta A1407                      | 01-06-2015               |
| 40             | Akta A1407                      | 01-06-2015               |
| Jadual Ketiga  | P.U. (A) 274/1999<br>Akta A1407 | 01-07-1999<br>01-06-2015 |
| Jadual Keempat | Akta A1407                      | 01-06-2015               |
| Jadual Ketiga  | Akta A1407                      | 01-06-2015               |

---